

# PANDUAN KHIDMAT KEJURUBAHASAAN

---

Mahkamah Keadilan Keluarga

---



# Kandungan

- 01 Pengenalan
- 02 Bahasa dan dialek yang lazim digunakan
- 03 Mendapatkan khidmat jurubahasa mahkamah dan berapakah bayarannya
- 03 Mendapatkan khidmat jurubahasa bebas
- 04 Cara mendapatkan jurubahasa bebas dan bayarannya
- 05 Maklumat berguna

## Penafian

- Maklumat dalam buku panduan ini adalah sebagai informasi sahaja.
- Ia tidak boleh dianggap sebagai nasihat guaman.
- Fakta-fakta di dalam ini adalah benar dan tepat sewaktu penerbitannya.



## Pengenalan

Khidmat yang diberikan oleh jurubahasa mahkamah kami menyokong misi Mahkamah Keadilan Keluarga (FJC) untuk keluarga dan belia mendapatkan keadilan semasa kaunseling, perantaraan dan pengadilan dijalankan.

Jurubahasa mahkamah adalah para professional untuk membantu pengguna mahkamah yang menghadapi kesukaran bahasa agar dapat memahami prosiding guaman. Terdapat dua kumpulan jurubahasa mahkamah:

- 1) FJC menyediakan sekumpulan **jurubahasa mahkamah** yang mahir dalam 4 bahasa rasmi dan dialek yang dituturkan di Singapura.
- 2) FJC juga membantu untuk mendapatkan khidmat para **jurubahasa bebas** yang boleh bertutur dalam bahasa/dialek lain (termasuk bahasa isyarat).

Tim Administrasi Jurubahasa Bebas (FIAT) di FJC mendapatkan para jurubahasa bebas untuk semua perkara kecuali Permohonan- Permohonan Lain yang tersenarai di muka surat 4.

# Bahasa dan dialek yang lazim digunakan

## Yang disediakan oleh jurubahasa mahkamah

Mandarin

Melayu

Tamil

Hokkien

Teochew

Kantonis

## Yang disediakan oleh jurubahasa bebas

Bahasa Indonesia

Hindi

Punjabi

Thai

Myanmar


Tagalog

Vietnam

Jepun

Korea

Bahasa Isyarat



# Mendapatkan khidmat jurubahasa mahkamah dan berapakah bayarannya



## Untuk Permohonan Perlindungan Diri atau Nafkah

Ketika membuat permohonan di kaunter, anda boleh beritahu pegawai kaunter bahasa/dialek pilihan anda jika anda mengalami kesukaran.

Kerana ini adalah permohonan secara *ad hoc*, khidmat jurubahasa mahkamah hanya diberikan jika ada.

**Lokasi kaunter:**  
Lihat muka surat 5

## Untuk kes di Mahkamah Belia

Sebelum anda ke mahkamah, beritahu bahasa yang anda ingin gunakan kepada pegawai siasatan atau pegawai Kementerian Sosial dan Pembangunan Keluarga (MSF).

Di mahkamah, anda boleh meminta seorang jurubahasa melalui pengurus mahkamah atau hakim yang bertugas di Mahkamah Belia. Jurubahasa akan ditugaskan jika ada.

## Untuk prosiding guaman yang lain-lain

Permohonan untuk khidmat kejurubahasaan boleh dibuat semasa anda memfailkan dokumen anda melalui e-litigation dalam masa 7 hari dari persidangan kes anda atau 2 minggu sebelum perbicaraan, yang mana lebih awal.

Permohonan yang dibuat di luar masa yang ditetapkan akan dianggap sebagai permohonan *ad hoc* dan khidmat jurubahasa mahkamah hanya diberikan jika ada.

*Khidmat yang diberikan oleh para jurubahasa mahkamah bagi semua jenis kes tidak dikenakan bayaran.*

# Mendapatkan khidmat jurubahasa bebas

Jika anda memohon untuk bahasa yang tidak digunakan oleh jurubahasa mahkamah, pegawai kaunter akan membantu anda membuat permohonan kepada FIAT bagi mendapatkan jurubahasa bebas.

Oleh kerana jurubahasa bebas tidak berada di FJC, jika kami gagal untuk mendapatkan khidmat jurubahasa yang fasih dalam bahasa/dialek yang anda minta, anda perlu mendapatkan khidmat jurubahasa tersebut sendiri.

Sila dapatkan bantuan di kaunter FJC (lokasi kaunter ada di muka surat 5).



# Cara mendapatkan jurubahasa bebas dan bayarannya

## Permohonan berkaitan Nafkah dan Keganasan Keluarga

Jurubahasa akan membantu untuk membuat permohonan berkaitan nafkah dan perlindungan diri melalui Sistem Pengurusan Permohonan Keluarga Bersepadu (iFAMS).

Khidmat jurubahasa juga akan disediakan bagi responden/saksi yang mungkin memerlukannya.



### Bayaran dan caranya

FIAT mendapatkan jurubahasa. (Tiada bayaran dikenakan ke atas mana-mana pihak yang memohon untuk khidmat kejurubahasaan.)

Terjemahan disediakan untuk:

1. Perintah Perlindungan Diri atau sesi kaunseling berkaitan PPO tentang penilaian risiko bagi keselamatan anda.
2. Sebutan dan perbicaraan di mahkamah bagi kes-kes Perlindungan Diri atau berkaitan dengan Nafkah.
3. Apa saja sesi perantaraan dan kaunseling berkaitan dengan Perlindungan Diri.



## Permohonan di Mahkamah Belia



### Bayaran dan caranya

FIAT mendapatkan jurubahasa. (Tiada bayaran dikenakan ke atas mana-mana pihak yang memohon untuk khidmat kejurubahasaan.)

## Permohonan-permohonan lain

Menterjemah untuk prosiding berkaitan perceraian dan Akta Keupayaan Mental (MCA), Pengambilan Anak Angkat dan Probet di mahkamah dan kamar di FJC.

### Bayaran dan caranya

FIAT tidak akan mendapatkan jurubahasa. (Bayaran dibuat oleh pihak yang mengambil jurubahasanya sendiri.)

Menterjemah untuk sesi kaunseling dan perantaraan yang diketuai hakim.



Walaupun usaha mendapatkan khidmat jurubahasa adalah proses pentadbiran untuk pengguna mahkamah, ia merupakan sebahagian daripada prosiding mahkamah dan semua pihak mesti mematuhi peraturan dan tatalaku mahkamah. Sila rujuk muka surat 5 untuk maklumat lanjut.

# Maklumat berguna

## Mahkamah Keadilan Keluarga Singapura

Pejabat Pendaftaran Keluarga, Tingkat 1  
3 Havelock Square,  
Singapura 059725  
Tel: 6435 5471

Pusat Perlindungan Keluarga (FPC), Tingkat 1  
3 Havelock Square,  
Singapura 059725  
Tel: 6435 5077

Sila rujuk laman web Mahkamah Singapura untuk waktu beroperasi Pejabat Pendaftaran Keluarga dan FPC: [www.judiciary.gov.sg/visit-us/family-justice-courts](http://www.judiciary.gov.sg/visit-us/family-justice-courts)



## Khidmat Bahasa FJC

Bahagian Cina  
Tel: 6435 5149

Bahagian Melayu  
Tel: 6435 6256

Bahagian India  
Tel: 6702 5410

## Nasihat Guaman

- Jika anda perlukan nasihat guaman, anda boleh menghubungi:
  - Biro Bantuan Guaman (LAB)
  - Pusat Keadilan Masyarakat (CJC) di FJC dan Mahkamah Negara, atau Klinik Guaman Masyarakat di Mahkamah Negara.

---

## Peraturan dan Tatalaku Mahkamah

Penting untuk anda tahu cara berkelakuan di mahkamah.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk [www.judiciary.gov.sg/attending-court/guide-to-attending-court](http://www.judiciary.gov.sg/attending-court/guide-to-attending-court)



# Memahami panduan ini

**CJC:** Pusat Keadilan Masyarakat menawarkan bantuan kepada para litigan yang tidak diwakili peguam tentang proses dan prosedur mahkamah, agar mereka lebih memahami sistem mahkamah, untuk mendapatkan keadilan tanpa mengira latarbelakang atau taraf sosial mereka

**FIAT:** Tim Administrasi Jurubahasa Bebas dalam Khidmat Bahasa FJC yang mendapatkan jurubahasa bebas

**FPC:** Pusat Perlindungan Keluarga, di FJC untuk memohon PPO

**iFAMS:** Sistem Pengurusan Permohonan Keluarga Bersepadu yang dikelolakan oleh FJC untuk memfail permohonan berkaitan Perintah Nafkah dan Perlindungan

**LAB:** Biro Bantuan Guaman memastikan mereka yang kurang berkemampuan mendapat keadilan dengan menyediakan bantuan guaman, nasihat dan pertolongan dalam perkara-perkara sivil. Ini termasuk mewakili mereka dalam pelbagai jenis prosiding mahkamah yang terdapat dalam Akta Bantuan dan Nasihat Guaman

**MCA:** Akta Keupayaan Mental

**MSF:** Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga

**PPO:** Perintah Perlindungan Diri yang menahan seseorang daripada melakukan keganasan keluarga